

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 8/2006**

=====

**GARISPANDUAN BAGI PEMILIKAN UNIT KEDIAMAN OLEH  
WARGA NEGARA ASING TANPA PERLU MENDAPATKAN  
KELULUSAN JAWATANKUASA PELABUR ASING (FOREIGN  
INVESTMENT COMMITTEE – FIC), UNIT PERANCANG JABATAN  
PERDANA MENTERI BAGI HARTANAH (BANGUNAN KEDIAMAN  
YANG BERHARGA KURANG DARIPADA RM250,000.00 SEUNIT**

-----

**1. TUJUAN**

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah supaya tidak mensyaratkan kelulusan Jawatankuasa Pelabur Asing (Committee – FIC) untuk membuat Pendaftaran Pindahmilik kepada warga negara asing.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kerajaan Malaysia usaha mengalakkan pemilikan unit kediaman oleh warga negara asing telah mengambil keputusan membenarkan mereka membeli hartanah (bangunan kediaman) yang berharga tidak kurang daripada RM250,00.00 seunit tanpa perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelabur Asing (Foreign Investment Committee – FIC). Walau bagaimanapun kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri masih diperlukan untuk membuat Pendaftaran Pindahmilik bagi hartanah tersebut oleh warga negara asing.

2.2 Suatu rujukan khusus mengenai perkara ini adalah melalui kenyataan akhbar bertarikh 1hb. November 2006 yang telah dikeluarkan oleh Pihak Jabatan Perdana Menteri seperti dilampirkan.

2.3 Garis panduan ini walau bagaimanapun tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

2.3.1 Pemilikan adalah dihadkan kepada warga negara asing termasuk Pemastautin Tetap.

2.3.2 Unit kediaman tersebut hanya untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk tujuan sewaan, pajakan dan pelaburan.

2.3.3 Hartanah yang terlibat merangkumi kawasan, premis atau bangunan bagi tujuan tempat tinggal atau penginapan sahaja.

### **3. TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini akan berkuatkuasa mulai 1hb. November 2006.

### **4. PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai kepada semua Pejabat Tanah dan Daerah (PTD) Negeri Selangor serta Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor.

T.T  
**(ABD. NASIR BIN HASSAN)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Selangor.

Tarikh : 1/11/ 2006

## **KENYATAAN AKHBAR**

### **PERATURAN BARU BAGI PEMILIKAN UNIT KEDIAMAN OLEH WARGA NEGARA ASING**

Kerajaan dalam usaha mengalakkan pemilikan unit kediaman oleh warga negara asing telah mengambil keputusan membenarkan mereka membeli hartanah (rumah/ kondominium/ bangunan) yang berharga tidak kurang daripada RM250,000.00 seunit tanpa perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pelaburan Asing (*Foreign Investment Committee – FIC*), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

Peraturan baru ini walau bagaimanapun adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- pemilikan adalah dihadkan kepada warga negara asing termasuk Pemastautin Tetap;
- unit kediaman tersebut hanya untuk kegunaan sendiri dan bukan untuk tujuan sewaan, pajakan dan pelaburan; dan
- hartanah yang terlibat merangkumi kawasan, premis atau bangunan bagi tujuan tempat tinggal atau penginapan sahaja.

Peraturan baru ini akan berkuatkuasa mulai 1 November 2006. Maklumat lanjut boleh diperolehi daripada lama web UPE, JPM dan sebarang kemusykilan boleh diajukan kepada Setiausaha FIC, UPE, JPM.

## **PENJELASAN BERKAITAN PERATURAN BARU BAGI PEMILIKAN UNIT KEDIAMAN OLEH WARGANEGARA ASING**

Peraturan baru ini melibatkan perkara-perkara berikut;

- i) Warganegara asing : individu bukan warganegara Malaysia termasuk Pemastautin Tetap;
- ii) Hartanah : unit kediaman yang merangkumi kawasan, premis atau bangunan bagi tujuan tempat tinggal atau penginapan;
- iii) Seunit : satu unit kediaman;
- iv) Kegunaan sendiri : digunakan secara peribadi dan bukan untuk tujuan sewa, pajakan atau pelaburan; dan
- v) Tanah : tanah untuk kegunaan kediaman sahaja

Warganegara asing hanya dibenarkan membeli unit kediaman **tidak kurang daripada** RM250,000.00. Dalam hal ini, jika tujuan perolehan adalah untuk kegunaan sendiri sahaja, perolehan tersebut tidak memerlukan kelulusan FIC.

Pelaksanaan peraturan baru ini berkuatkuasa mulai 1 November 2006

Selain daripada apa yang dinyatakan di atas, Garis Panduan FIC Mengenai Perolehan Hartanah Oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing dan Garis Panduan FIC Mengenai Perolehan Kepentingan, Penggabungan Dan Pengambilalihan Oleh Kepentingan Tempatan Dan Asing masih terpakai dan berkuatkuasa seperti sedia ada.